

BAB 7

PENDOKONG EMPAYAR MELAKA SEBAGAI PELABUHAN ANTARABANGSA

Pendahuluan

Tun Perak telah berusaha menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan yang utama di rantau kepulauan Melayu dan memartabatkan Melaka sebagai pelabuhan antarabangsa. Dalam banyak perkara terutama daripada aspek ekonomi, Tun Perak lebih bijak bertindak dan membuat keputusan, serta berfikiran luas dan berpandangan jauh berbanding dengan pembesar yang lain. Di bawah kepimpinan beliau, Melaka telah menjadikan perdagangan sebagai tunggak ekonomi utama negeri. Sebagai seorang Bendahara Melaka, Tun Perak mempunyai strategi yang tersendiri, dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang lain terutamanya syahbandar dalam mengendalikan perdagangan yang dijalankan di Melaka.

Peringkat Awal Perdagangan Di Melaka

Perdagangan adalah merupakan darah daging penduduk Melaka. Kegiatan perdagangan merupakan warisan daripada tradisi kegiatan ekonomi orang peribumi yang telah berjalan sejak dari zaman awal Kerajaan Melayu

Langkasuka dan Srivijaya, iaitu dari abad ke-7 hingga abad ke-13.¹ Pengalaman sejarah yang berkaitan dengan kegiatan laut ini bukanlah satu perkara yang baru bagi penduduk peribumi Melaka.² Oleh yang demikian penduduk peribumi Melaka sememangnya mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam bidang perdagangan, yang telah diceburi oleh semua lapisan masyarakat termasuk golongan atasan atau pemerintah.

Kerajaan Melaka merupakan warisan kerajaan Srivijaya. Srivijaya adalah sebuah kuasa kelautan Melayu yang kuat dan telah meraih segala keuntungan hasil daripada kegiatan perdagangan dan perkapalan di Selat Melaka sepanjang beberapa abad sebelum kemunculan kerajaan Melayu Melaka.³ Kegiatan ekonomi perdagangan adalah mementingkan keuntungan dan pengumpulan harta melalui proses penukaran barang atau jual beli serta pembayaran-pembayaran lain.

Gibson-Hill telah membuat kesimpulan bahawa perubahan dan perkembangan Melaka adalah dirancang iaitu daripada sebuah perkampungan nelayan yang kecil telah dijadikan pusat perdagangan antarabangsa. Perancangan yang teliti ini adalah kerana beberapa faktor semulajadi yang terdapat di Melaka. Malah kejayaan sebagai pusat perdagangan antarabangsa juga adalah berkat pengetahuan dan pengalaman raja-raja awal Melaka

¹ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 236.

² *Ibid.*, hlm. 238.

³ Wang Gung Wu, 1968. 'The First Three Ruler Of Malacca', *JMBRAS*, volume 41: 1, Julai 1968.

mengenai kegiatan sosioekonomi kerajaan Srivijaya dahulu dan bukannya secara kebetulan.⁴

Justeru itu, penglibatan langsung penduduk peribumi terhadap kedatangan dan penglibatan para pedagang asing dari Timur dan Barat ke rantau ini memanglah dijangkakan. Ini diikuti pula dengan terdapatnya hasil keluaran tempatan iaitu seperti hasil tanaman dan galian yang diusahakan oleh penduduk peribumi sendiri.⁵

Faktor-faktor Perkembangan Perdagangan Di Melaka

Selat Melaka merupakan bahagian yang terpenting kepada jalan dagangan dunia. Permulaannya ialah di Kepulauan Maluku dan berakhir di Venice atau lebih jauh lagi. Di selat yang sempit inilah jalan dagang bagi penyebaran rempah yang sejauh 8000 batu itu dapat dikuasai sepenuhnya.⁶ Sejarah juga telah membuktikan bahawa sejak abad pertama masih lagi Selat Melaka menjadi laluan perairan yang cukup bermakna bagi para pedagang sebelah timur dan barat.⁷ Melaka menjadikan perdagangan sebagai sumber ekonomi yang utama. Kegiatan ekonomi perdagangan adalah mementingkan keuntungan dan pengumpulan harta melalui proses penukaran barang atau

⁴ Lihat C.A. Gibson-Hill, 1955. 'Johor Lama and Other Ancient Sites on the Johor River', dalam *JMBRAS*, Jilid XXVIII,ii, 1955, hlm. 127-197.

⁵ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 237.

⁶ Malaysia Kita, 1991. Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, hlm. 113.

⁷ Paul Wheatley, 1961. *The Golden Khersones*, Kuala Lumpur ; O.W. Wolters, 1967. *Early Indonesian Commerce: A Study of Origins of srivijaya*.

jual beli serta pembayaran-pembayaran lain. Berhubung dengan itu, masyarakat Melayu tradisional terutama golongan pemerintah, telah lama melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan ini.

Kerajaan Melaka mempunyai kelebihan dan keistimewaan daripada aspek geografi dan perairan sebagai faktor utama kejayaan perdagangan di Melaka. Keistimewaan faktor geografi ini memudahkan lagi kedatangan para pedagang asing dari Timur dan Barat ke Nusantara. Faktor kedua ialah keistimewaan kedudukan Selat Melaka sebagai kawasan lalulintas di antara Timur dengan Barat. Pada mulanya, Melaka seperti juga pelabuhan yang setaraf dengannya memainkan peranan sebagai pelabuhan transit bagi kapal-kapal yang berulang-alik melalui Selat Melaka. Malah pelabuhan Melaka juga bertindak sebagai pusat pengumpulan, penyaluran dan pertukaran barang-barang dagangan menerusi sistem entrepot. Faktor seterusnya ialah terdapat dua jenis angin monsun yang menentukan panduan dan arah pergerakan kapal, dan yang terakhir ialah terdapat kemudahan-kemudahan fizikal dan material yang disediakan di pelabuhan-pelabuhan entrepot oleh kerajaan-kerajaan Melayu tradisional tadi.⁸

Oleh sebab kedudukan geografi yang begitu strategik serta amat bergantung kepada perdagangan, kerajaan-kerajaan tersebut sensitif terhadap kedudukan dan segala perubahan kegiatan di laut yang dihadapinya. Perubahan kegiatan di laut sering menentukan perubahan dan perkembangan

⁸ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 236.

persejarahannya.⁹ Segala kemudahan untuk pedagang asing telah disediakan oleh pentadbir Melaka. Pengalaman sejarah dan ekonomi yang mereka perolehi hasil daripada hubungan erat dengan Palembang dan Jambi mungkin telah memberi contoh dan panduan kepada mereka dalam hal perdagangan.

Sebagai sebuah pusat perdagangan, sudah tentulah terdapat ramai pedagang asing yang terus menetap di Melaka, dan keadaan ini menyebabkan asas anggota masyarakatnya telah terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, penduduk peribumi; kedua, penduduk yang terdiri daripada pedagang asing yang menetap di Melaka, dan yang ketiga, para pedagang dan sentri yang kerap datang ke Melaka.¹⁰ Akibat daripada pertemuan dan perhubungan antara dua masyarakat ini telah menyebabkan penduduk peribumi terdedah kepada perubahan dalam proses ekonomi secara besar-besaran. Justeru itu hasil daripada pertemuan dan perhubungan ini terjadilah kegiatan perdagangan antara penduduk peribumi dengan pedagang asing yang menetap di Melaka. Kegiatan yang dijalankan oleh para pedagang dan sentri di peringkat tempatan dan antarabangsa itu pula, telah melahirkan masyarakat bercorak kosmopolitan.

Dengan perubahan sejarah, diikuti oleh faktor kekurangan kegiatan pertanian yang dijalankan oleh penduduk peribumi di Melaka, maka kegiatan

⁹Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 236.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 238.

pertanian tidak mungkin dapat dilakukan secara besar-besaran.¹¹ Ini ditambah pula apabila seorang pencatat Cina, iaitu Ma Huan telah melaporkan bahawa iklim dan keadaan tanah di Melaka adalah tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Oleh itu, pilihan yang terbaik ialah dengan menjalankan kegiatan perdagangan sebagai sumber ekonomi Melaka yang utama.

Bukan itu sahaja, malah kepesatan perdagangan di Melaka ini adalah disebabkan oleh kedatangan pedagang-pedagang yang ramai serta kesanggupan mereka menetap di situ dan membayar cukai kepada kerajaan Melaka.¹²

Hasil Eksport Melaka

Tun Perak sebagai orang yang bertanggungjawab dalam merangka dasar perluasan jajahan takluk Melaka telah menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang mengekport bijih timah dan emas serta pelbagai hasil pengeluaran yang lain. Ini adalah kerana negeri-negeri yang ditakluki mempunyai hasil galian dan pertanian tertentu. Justeru itu, antara eksport Melaka pada masa itu ialah bijih timah yang telah dicairkan dan dijadikan

¹¹ Kegiatan pertanian secara kecil-kecilan oleh penduduk peribumi hanya diusahakan di sekitar pinggiran bandar di kawasan pedalaman, seperti yang dinyatakan oleh Ma Huan. Rujuk W.W. Rockhill, 1915. "Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the T'oung Pao: Archives of the Study of History, Philology, Geography and Ethnology of Eastern Asia", Bahagian I, 1915, hlm 61-159; Lihat juga W.P. Groeneveldt, 1880.

"Notes on the Malay Archipelago and Malacca compiled from Chinese Sources", dalam VBG, XXXIX, 1880, hlm 1-144; J.V.G. Mills (ed dan tsd), Ma Huan, Ying Yi Sheng-lan; The Overall Survey of the Ocean's Shores, London, 1970.

¹² Haron Daud, 1993. *Sejarah Melayu, Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 212.

kepingan jongkong.¹³ Selain bijih timah yang diperolehi secara melombong di kawasan pedalaman, Melaka juga mengumpulkan bijih timah dari kawasan yang menjadi jajahan takluk seperti Kelang, Selangor, Bernam, Manjung, Beruas dan Kedah.¹⁴

Penguasaan atau penaklukkan kawasan lain juga mempunyai matlamat yang asas, iaitu perdagangan dan ekonomi. Penguasaan terhadap Siak bermakna Melaka boleh mengawal pengeluaran emasnya untuk dibawa ke Melaka bagi tujuan tukaran bahan perdagangan dengan saudagar asing. Penaklukkan terhadap Kampar pula penting untuk mengawal eksport lada dan emas yang dikeluarkan oleh daerah-daerah pedalaman Minangkabau. Kedua-dua bahan ini juga dikeluarkan oleh Rokan, Tungkal dan Inderagiri, selain pengeluaran ikan. Penguasaan terhadap ketiga-tiga daerah ini sama pentingnya dengan penguasaan terhadap Siak dan Kampar, selain daerah Purinam dan Arkat, seperti yang dikatakan oleh Tome Pires.¹⁵

Penguasaan Melaka terhadap Gugusan Riau-Lingga pula mempunyai matlamat perdagangan secara tidak langsung, iaitu supaya bahan-bahan keluarannya dapat dieksportkan ke Melaka. Gugusan Riau-Lingga juga dapat membekalkan Orang Laut sebagai pendayung kapal perang tentera laut Melaka bagi tujuan penaklukkan. Orang Laut juga dapat membantu menentang lanun di Selat Melaka kerana lanun boleh menjaskan keselamatan di perairan dan

¹³ R.O. Winstedt, 1935. ‘History of Malaya’, dalam *JMBRAS*, Jil XIII, I, 1935, hlm. 42; W.W. Rockhill, Notes on the Relations..., *T’oung Pao*, Jil XVI, 1915, hlm. 117.

¹⁴ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 244.

¹⁵ Armando Cortesao, (ed.), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm. 273.

keselamatan para pedagang. Oleh itu, kawalan keselamatan menjadi perkara yang utama bagi Melaka untuk menjamin kegiatan perdagangan dan kedatangan pedagang asing.¹⁶

Kawasan-kawasan lain yang tidak menjadi jajahan takluk di pantai barat dan timur Sumatera adakalanya mempunyai hubungan perdagangan dengan Melaka. Bahan-bahan eksport dari kawasan ini dihantar ke Melaka melalui pelabuhan yang menjadi jajahan takluk atau sahabat. Pedir contohnya, menghantar lada dan beras menerusi Pasai ke Melaka. Bengkalis membekalkan ikan kering dan ikan terubuk. Jambi dan Palembang menyediakan bahan-bahan makanan lain seperti beras, halia, bawang, daging, arak, madu lebah, sedikit besi dan emas. Kapur barus dari Aceh dibawa ke Melaka oleh saudagar perantaraan. Palembang juga membekalkan hamba untuk didagangkan di Melaka. Semua bahan ini ditukarkan dengan kain-kain belacu yang dibawa dari Gujerat dan Kalinga.

Pentadbiran Pelabuhan Melaka

Sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa, Tun Perak telah memastikan pentadbiran pelabuhan Melaka adalah sistematik. Tun Perak telah menetapkan bahawa syahbandar adalah orang yang bertanggungjawab menguruskan pelabuhan Melaka. Dari segi ekonomi, taraf pelabuhan Melaka dianggap

¹⁶ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 244.

sebagai pelabuhan entreport dengan fungsinya sebagai pelabuhan antarabangsa. Urusan ekonomi dan perdagangannya perlu bersistem sebab ia menjadi pelabuhan induk bagi seluruh laluan perairan di Selat Melaka.

Penyelia utama pelabuhan dan para pedagang adalah Syahbandar. Terdapat empat orang Syahbandar di pelabuhan Melaka. Masing-masing terdiri daripada etnik dan bangsa tersendiri. Ketika itu, tidak pernah terdapat lebih daripada seorang syahbandar di mana-mana pun pelabuhan di alam Melayu ini.

Syahbandar yang dilantik adalah bertanggungjawab terhadap etnik masing-masing. Seorang syahbandar bertanggungjawab ke atas kapal-kapal yang datang dari Gujerat. Seorang lagi bertanggungjawab ke atas pedagang-pedagang yang datang dari Pantai Koromandel, Bengala, Kerajaan Mon Burma Hilir dan Pasai Utara di Sumatera; yang ketiganya adalah bertanggungjawab ke atas pedagang-pedagang dari Palembang, Jawa, Pulau-pulau Maluku, Pulau-pulau Banda, Kalimantan dan Filipina; dan yang keempat bertanggungjawab terhadap saudagar-saudagar dari China dan pelabuhan-pelabuhan di timur Semenanjung Indo-China. Untuk gambaran yang lebih jelas kepada para pembaca, penulis telah membuat rajah mengenai pembahagian Syahbandar di pelabuhan Melaka mengikut etnik masing-masing.

Carta 7.1 : Menunjukkan Empat Orang Syahbandar Di Pelabuhan Melaka

- **Syahbandar** - Gujerat
- **Syahbandar** - Pantai Koromandel,
Benggala,
Kerajaan Mon
Burma Hilir dan
Pasai Utara di
Sumatera
- **Syahbandar** - Palembang, Jawa,
Pulau-pulau Maluku,
Pulau-pulau Banda,
Kalimantan dan
Filipina
- **Syahbandar** - China dan pelabuhan-pelabuhan di timur
Semenanjung Indo-China

Sumber: Kajian Lapangan Penulis (2001)

Menurut *Undang-Undang Pahang*, Syahbandar adalah raja segala dagang. Dia diamanatkan menjaga kuala dan memeriksa segala hal ehwal perahu yang datang dan pergi.¹⁷ Di Melaka, pejabat Syahbandar ditempatkan dalam satu bangunan, di situ lah beliau berunding dengan saudagar-saudagar asing dan memungut cukai yang berpatutan ke atas barang-barang dagangan

¹⁷ J.E., Kempe dan R.O., Winstedt, 1948. 'A Malay Legal Digest', *JMBRAS*, Volume 21:1, April, 1948, hlm. 26.

mereka.¹⁸ Tugas seseorang syahbandar tidak terhad pada hal-hal di atas sahaja.

Menurut Fasal 29, *Undang-Undang Melaka*:

..pada menyatakan hukum segala gantang dan cupak kati dan tahil dan segala hukum pasar sekaliannya itu pada syahbandar juga dan hukum nakhoda kapal dan juga dan baluk atau barang sebagainya yang bernama perahu. Apabila datang sesuatu perkataan atasnya atau daripada berkelahi dan berbantah atau luka dan melukai daripada sesama dagang, kerana hutang piutang atau sebab yang lain, itu pun terserah atas syahbandar yang menghukum dia.¹⁹

Walaupun terdapat tugas-tugas di atas, ia tidak bermakna syahbandar tidak terlibat secara langsung dalam perniagaan. Bahkan untuk barang-barang tertentu, beliau mempunyai keistimewaan kerana dapat membelinya dengan murah. Contohnya bijih timah :

Jikalau Syahbandar itu berniagakan timah sebesar-besar timah seratus tengah tiga belas rial harganya. Jikalau s-k-t (skat) seratus, seribu, selaksa sekalipun, tidak lebih daripada itu lagi bilangan (harga) itu. Barang siapa tidak menurut

¹⁸ J.V. Mills, 1937. 'Malaya in the Wu-pei-chih chart', *JMBRAS*, Volume 9:3, Disember 1937, hlm. 19.

¹⁹ Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka, A Critical Edition*, The Hague: Martinus's Nijhoff, hlm. 134.

dia, derhakalah ia ke bawah duli iaitu hukumnya mati dan rumah tangganya masuk bendahari.²⁰

Peraturan itu menunjukkan Syahbandar mempunyai kuasa beli yang istimewa sebagaimana yang dimiliki oleh nakhoda tatkala berdagang di sesuatu pelabuhan. Harga yang ditetapkan itu wajib dipatuhi oleh setiap penjual.

Walaupun urusan penting dalam perniagaan dan jual beli di bandar Melaka dikendalikan oleh syahbandar, Bendahara Tun Perak juga memainkan peranan secara tidak langsung untuk melicinkan lagi urusan dan transaksi perniagaan. Sudah menjadi kebiasaan, walaupun bukan kemestian, Bendahara Tun Perak turut menerima hadiah daripada pedagang asing, selain pembesar-pembesar Melaka yang utama dengan tujuan untuk mendapatkan kemudahan dan hak untuk berdagang di Melaka.

Strategi telah dibuat untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan yang termasyhur di dunia. Pengawalan laluan perdagangan laut dan penguasaan kawasan-kawasan yang berpotensi ekonomi dapat menjamin potensi hasil dan pendapatan negara. Dengan kaedah dan tatacara tertentu dalam urusan pengawalan barang dan penghasilan dari kegiatan perdagangan menjadikan pelabuhan Melaka amat maju.²¹

20 *Ibid.*, Fasal 44.5, hlm. 170.

21 R.O. Winstedt & Josselin de Jong, P.E., 1956. 'The Maritime Laws of Malacca', *JMBRAS*, Volume 29:3, Ogos 1956.

hlm.22-59 : Meilink Roelofsz, M.A.P., 1962. *Asian Trade and European Influence In The Indonesian Archipelago, Between 1500 and About 1630*, The Hague.

Unsur keselamatan bagi melindungi para pedagang adalah penting. Angkatan laut Melaka di bawah panglima laut iaitu Laksamana Hang Tuah serta Orang Laut atau Orang Selat sentiasa meronda di laut dan memberikan perlindungan kepada kapal-kapal pedagang yang datang ke Melaka. Jaminan sedemikian menyebabkan pedagang memilih Melaka dan tidak pelabuhan-pelabuhan yang lain.

Sistem Pengurusan Perdagangan Melaka

Tun Perak yang menjawat jawatan Bendahara dengan gelaran Paduka Raja merupakan seorang pembesar yang telah bertindak dengan bijak dan mempunyai kesedaran tinggi bahawa perdagangan yang dijalankan di Melaka memerlukan satu sistem pengurusan yang sistematik memandangkan perdagangan adalah tunggak ekonomi Melaka.

Di dalam *Undang-undang Laut Melaka* terdapat 24 fasal daripada 25 fasal yang menerangkan tentang peraturan di laut seperti peraturan dan tertib bermiaga, tatacara berjual beli, larangan-larangan dan tanggungjawab Nakhoda serta Syahbandar. Undang-undang Melaka adalah sebagai undang-undang di darat. Oleh itu terdapat hanya lima fasal sahaja daripada 44 fasal dalam *Undang-undang Melaka* yang menerangkan tentang peraturan-peraturan di laut.²²

²² Ini ialah Fasal 9:2, Fasal 23:3, Fasal 23:4 dan Fasal 23:5. Rujuk Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Laut Melaka*, hlm. 45-48.

Menurut Muhammad Yusoff Hashim,

selepas semua cukai dibayar, urusan jualan barang pun bermula di sepanjang jambatan Melaka, di jalan raya berhadapan bangunan lama sekarang dan di bazar-bazar. Pihak pentadbir telah mengeluarkan sejenis lesen kebenaran bernesaga kepada para peniaga dan penjual. Pengeluaran lesen kebenaran bernesaga juga menjadi sebahagian daripada pendapatan kerajaan. Pegawai yang mengawal ukuran dan timbangan ialah Syahbandar.²³

Petikan di atas menggambarkan bahawa, urusan perniagaan adalah bermula di sepanjang jambatan Melaka dan jalan raya serta pihak pentadbir juga telah mengeluarkan lesen perniagaan kepada para peniaga. Syahbandar adalah orang yang bertanggungjawab mengawal ukuran dan timbangan.

Sebagai orang tua yang banyak pengetahuan dan pengalaman, Tun Perak sentiasa peka dengan keadaan ekonomi Melaka iaitu telah menyusun satu sistem bagi mengawal inflasi dan mencegah harga barang daripada melambung tinggi. Menurut Tome Pires, terdapat satu kumpulan saudagar Melaka sendiri yang akan berunding dengan para pembeli dan saudagar tempatan (pemborong) tentang harga dan menilai barang import yang hendak dijual. Kumpulan saudagar Melaka mewakili pihak penjual yang terdiri

²³ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 255.

daripada nakhoda, saudagar atau pemilik kapal asing yang terdapat di Melaka. Setelah harga ditetapkan, maka barang tadi pun dijual di kalangan pembeli iaitu seramai sepuluh hingga dua puluh orang, berdasarkan kepada bahagian yang telah ditentukan. Harga barang yang dijual oleh pembeli-pembeli di kedai-kedai pula akan ditentukan dengan persetujuan para pemberong tadi.²⁴

Kerajaan Melaka di bawah pentadbiran Tun Perak sentiasa memberikan layanan yang adil dan sama rata kepada semua pedagang yang datang berdagang di Melaka. Urusan jual beli ini mesti dijalankan dengan segera kerana untuk menghadapi perubahan musim monsun. Pihak pentadbir sentiasa mengawasi dan memerhati supaya urusan jual beli ini, agar barang import yang tersimpan di gudang tidak menjadi rosak dan untuk mengelakkan proses jual beli menjadi lembap. Apabila keadaan ini berlaku, harga barang akan terjejas. Oleh itu, penentuan suatu sistem urusniaga yang tetap dan penglibatan suatu kelompok saudagar bagi menentukan harga barang adalah amat wajar. Tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa para penjual asing sentiasa mengalami kerugian dengan harga yang telah ditentukan,²⁵ walaupun Tome Pires ada mendakwa bahawa penyelewengan dan pemalsuan sering terjadi. Iaitu kumpulan saudagar yang menjadi penilai dan pembicara antara

²⁴ Armando Cortesao, (ed.), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm. 276-277.

²⁵ Meilink-Roelofz mengulas hal ini sebagai, “The Malacca method meant that business was transacted quickly....the vendors had no cause for dissatisfaction eitherthe sellers....were not under paid either.” Rujuk *Asian Trade*, hlm. 45

para pengimport asing dengan para pembeli dan pemberong tempatan, selalu menerima sogokan daripada salah satu pihak atau kedua-dua pihak sekaligus.²⁶

Sultan juga bergiat cergas dalam bidang perdagangan ini, iaitu dengan cara menanam modal dalam setiap tongkang atau kapal yang keluar dari pelabuhan Melaka.

Melaka adalah tempat pertukaran barang yang paling besar dan sibuk di dunia, saudagar-saudagar yang berdagang itu terlalu kaya sehingga ada antara mereka yang terlupa akaun harta mereka dan hanya mengira jumlah bahara emas sahaja.²⁷ Antara mata wang yang digunakan di Melaka ialah emas dan timah.

Menurut Tun Sri Lanang dalam *Sejarah Melayu*:

Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung. Maka dari Air Leleh datang ke Kuala Muar pasar tidak berputusan lagi, dari Kampung Keling datang ke Kuala Penajuh itu pun tiada berputusan lagi. Jika orang Melaka datang ke Jugra tiada membawa apa lagi, barang di mana berhenti di sana ada rumah orang. Dari sebelah sini hingga datang ke Batu Pahang demikian juga, kerana masa itu rakyat


²⁶Armando Cortesa, (ed.), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm. 273.

²⁷ Mansel Longworth Dames, (ed.) 1921. *The Book of Duarte Barbosa*, Jil. 2, London: The Hakluyt Society, hlm. 175.

Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang di dalam negeri juga.²⁸

Tun Sri Lanang juga menggambarkan kesesakan bandar Melaka sehingga banyak pasar-pasar yang menganjur ke tengah jalan.²⁹

Gambar Rajah 7.1 : Menunjukkan Duit Timah yang dikeluarkan oleh Sultan Muzaffar Syah Melaka.




Sumber: Dipetik daripada Malaysia Kita, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur : Nasional Berhad, hlm. 116.

²⁸ W.G., Shellabear, 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 183.

²⁹ A.Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 240.

Gambar Rajah 7.2 : Menunjukkan Kepingan wang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka



Sumber: Dipetik daripada Muhammad Yusof Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam Melaka: Institut Kajian Patriotisme, hlm. 19.

Para Pedagang Asing dan Barang Dagangan

Tun Perak merupakan seorang pentadbir yang berkarisma tinggi dan mempunyai pandangan jauh serta berkemahiran tinggi dalam bidang diplomasi telah berjaya menarik ramai pedagang datang ke Melaka, iaitu secara tidak langsung beliau telah berjaya menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan yang terpenting di rantau ini. Pelabuhan Melaka telah berjaya menjadi pusat pengumpulan dan penyebaran barang dagangan pada abad ke 15. Tapak perdagangan yang dibina oleh pemerintah Melaka yang pertama bertambah teguh dan ketika itu segala perdagangan tertumpu ke Melaka.³⁰

Menurut *Sejarah Melayu*:

Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu. Maka segala orang Arab dinamainya Malakat, ertinya perhimpunan segala dagang, kerana banyak jenis dagangan ada di sana...³¹

Sebagai sebuah pelabuhan entreport, kekuatan perdagangan Melaka bergantung kepada pedagang-pedagang asing. Sumber yang paling menarik tentang hal ini ialah *The Suma Oriental*, dan juga laporan *Duarte Barbosa*. Bukti yang menunjukkan Melaka menjadi pusat tumpuan perdagangan asing

³⁰ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 54.

³¹ *Ibid.*, hlm. 82.

dapat dilihat daripada tiga aliran lalulintas laut.³² Mereka kebanyakannya terdiri daripada pedagang Islam Arab dan Gujerat. Kedudukan Melaka bertambah penting apabila ia menjadi pusat pelabuhan dagang yang mengumpul rempah dari kepulauan Melayu. Rempah ditukar dengan bahan-bahan keluaran dari India dan China seperti beberapa jenis kain, barang tembikar, sutera dan bahan-bahan logam.³³ Menurut Tome Pires, kepesatan perdagangan itu adalah disebabkan oleh kedatangan pedagang-pedagang serta kesanggupan mereka menetap di situ dan membayar cukai kepada kerajaan Melaka.³⁴

Perdagangan asas yang dijalankan oleh Melaka ialah barang jual beli iaitu barang utama dari Kepulauan Melayu dengan barang buatan dari India. Melaka adalah merupakan pusat pengumpulan buah pala dari Banda, bunga cengkih dari Maluku dan kayu cendana dari Timur. Pedagang-pedagang dari Jawa, Kalimantan, Makasar dan Filipina bertumpu di Melaka semasa angin Monsun Timur Laut dan kembali ke timur mengikut angin barat.³⁵

Kemajuan ekonomi Melaka juga adalah bergantung kepada pembesar-pembesar Melaka yang berwibawa dalam mengendalikan pentadbiran negeri yang diketuai oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Semasa Pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Melaka masih didatangi oleh para pedagang dari dalam dan luar negeri. *Sejarah Melayu* ada mencatatkan bahawa ada sebuah kapal

³² Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 245.

³³ Paul Wheatley, 1964. *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*, hlm. 132.

³⁴ Armando Cartesao, (ed), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm 240-1.

³⁵ *Ibid.*, hlm. 273.

dari atas angin datang ke Melaka, salah seorang daripada penumpangnya ialah saudagar Maulana Jalaluddin.³⁶ Kapal tersebut berlabuh di Melaka dan tentunya kerana urusan perdagangan. Tambahan pula ketika itu hasil negeri Melaka kian meningkat terutama kerana kejayaan Melaka menawan beberapa negeri yang mengeluarkan bijih timah seperti Selangor dan Kedah. Sultan Muzaffar Syah juga menawan Aru, Singapura, Bentan, Terengganu, Patani dan Pahang.³⁷ Disamping itu penaklukkan tersebut meneguhkan lagi politik Melaka yang sekaligus meyakinkan pedagang-pedagang luar. Bagi Melaka, entrepot yang terpenting di India ialah Kembayat. Para pedagang dari Timur Tengah mengambil masa selama lapan belas bulan dari Laut Merah untuk sampai ke Melaka. Semasa angin Monsun Barat Daya bertiup, mereka telah bertumpu di Kembayat India dengan membawa barang dagangan seperti senjata, kain bulu, kain sakhlat, marjan, barang tembaga, perak, barang perhiasan murah, candu, air mawar, ambar, kismis, nila dan barang kaca kencana. Para pedagang dari Mekah, Aden, Ormuz, Kaherah selain yang datang dari kawasan timur Mediterranean dan pesisiran timur Afrika berkumpul berpuak-puak membentuk syarikat sebelum mereka belayar ke pelabuhan Melaka.³⁸

Pelabuhan Melaka juga telah bertindak sebagai pusat penyebaran barang dagangan iaitu pelbagai jenis kain dari Gujerat, Koromandel, Malabar dan Benggala. Para pedagang dari India akan berkumpul di Kalikat

³⁶ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 63, edisi Winstedt dan A. Samad Ahmad tidak menyebut Maulana Jalaluddin sebagai seorang saudagar.

³⁷ Armando Cartesao, (ed), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm. 243-4.

³⁸ *Ibid.*, hlm. 287

ataupun Benggala sebelum membawa barang dagangan ke Melaka. Pedagang-pedagang India akan membawa balik barang dari Kepulauan Melayu seperti buah pala, kulit pala, bunga cengkoh, kapur barus, cendana, kayu gaharu, kemenyan, kasturi, mutiara, batik, hamparan, keris jawa, bulu burung dan bijih timah ke barat dengan menggunakan kapal. Barang dagangan yang dibawa pulang akan dijual di India, tetapi sebahagian besarnya akan dibawa ke Timur Tengah dan terus ke Eropah. Di sana barang dagangan itu akan dijual dengan harga yang mahal oleh para pedagang Venice.³⁹

Kemunculan Melaka sebagai bandar pelabuhan dagang dalam abad ke-15 serta beberapa pelabuhan lain sebelumnya membuktikan hakikat itu. Di bahagian timur, hubungan perdagangan dengan negeri China begitu rapat. Hal ini mendapat tindak balas yang baik daripada kerajaan Ming sehingga mereka mengubah dasar perdagangan dengan menghapuskan dasar tutup pintu. Kedudukan Melaka sebagai sebuah pelabuhan yang baik dan sedang membangun diakui oleh China. Justeru itu negara China sanggup mengadakan hubungan persahabatan dan perdagangan dengan Melaka yang sekaligus dijadikan pelabuhan itu sebagai tempat persinggahan pelayar-pelayarnya ke Lautan Hindi.⁴⁰ Melaka menjadi tumpuan para pedagang China untuk memasarkan barang-barang dari negeri China ke Eropah. Seorang pelopor

³⁹ *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur: Nasional Malaysia Berhad, hlm. 114.

⁴⁰ Wang Gungwu, 1967. *The Opening of Relation Between China and Malacca*, 1403-5, hlm. 103. Lihat juga Wang Gungwu, *The First Three Rules of Malacca*, hlm. 21.

Portugis, Ruy Araujo menganggarkan saban tahun, antara lapan hingga sepuluh buah jong China datang ke Melaka.⁴¹

Menurut *Sejarah Melayu*, semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah terjalinya hubungan yang paling erat antara Melaka dengan China sehingga baginda dihadiahkan seorang ‘Puteri Cina’ bernama Hang Li Po untuk dijadikan isteri. Di sebalik keeratan itu mungkin sahaja diikuti oleh pertambahan jumlah dagangan mereka.⁴²

Pemerintahan Sultan Mansur Syah yang dibantu oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak sebagai penasihat yang utama serta pembesar-pembesar lain, seperti yang telah dibincangkan telah membawa Melaka berada di kemuncak kegemilangannya. Dalam banyak hal baginda meneruskan polisi yang dilaksanakan oleh ayahandanya, Sultan Muzaffar Syah.⁴³ Justeru itu Melaka benar-benar muncul sebagai sebuah pusat perhubungan dagang dari Melaka ke Suez, Jepun ke Afrika Timur dan Luzon ke Teluk Parsi. Malah ia disifatkan sebagai sebuah pelabuhan besar di dunia yang bersifat kosmopolitan.⁴⁴

Para pedagang Cina pula membawa barang dagangan seperti kain *broked*, teh, tembikar, sutera, satin, mutiara, kapur, tawas, sendawa, belerang, barang-barang tembaga, besi, wang-i-wangian, ubat-ubatan, gading, manik

⁴¹ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 245.

⁴² R.C. Majumdar, 1963. *Hindu Colonies in the Far East*, hlm. 78.

⁴³ Paul Wheatley, 1980. *The Golden Khersonese*, hlm. 309.

⁴⁴ George Cho dan W.Ward, 1983, *The Port Of Melaka*, dlm. *Melaka, Transformation of Malay Capital C 1400-1980*, Jilid 1, hlm. 623-4.

merah, batu jed dan kayu arang. Mereka datang ke Melaka dengan menaiki sepuluh biji tongkang setahun.⁴⁵

Melaka juga menjalinkan hubungan dagang dengan pedagang-pedagang Ryukyu (Jepun) yang datang dengan kapal-kapal yang besar iaitu setiap buah mempunyai anak kapal melebihi 150 orang. Barang-barang yang dibawa ke Melaka untuk diperdagangkan antaranya termasuklah kain satin, pedang, bekas bunga, mangkuk dan kipas. Manakala barang-barang yang dibeli di Melaka ialah *hao-san-lien ta-pu*, *hsı-chiao-ta-pu*, *chiao-ta-pu*, *nan-mo-na-pu*, *pich-pu hao-pe*, *je-na-li*, *pi-pu* dan *huo-wai*.⁴⁶

Pelabuhan Melaka juga telah dikunjungi oleh para pedagang dari Siam. Hubungan dengan Siam yang dingin dapat dipulihkan di atas kebijaksanaan Tun Perak apabila beliau telah menasihati sultan supaya menghantar utusan ke Siam yang bertujuan untuk bersahabat. Hasilnya dapat dilihat apabila ramai pedagang dari Siam yang datang ke Melaka. Para pedagang yang datang dari Siam pula membawa barang dagangan seperti embalau atau lakri, kemenyan, kayu sepang, gading, barang tembaga, batu permata, pelbagai jenis logam dan juga kain tenunan Siam serta beras, ikan kering, garam dan sayur-sayuran. Mereka kembali ke Siam dengan membawa barang dagangan seperti hamba abdi, cendana putih, rempah, raksa, sedelinggam, candu, kain muslin, kain dari Kalinga, hamparan, *broked* Kembayat, air mawar, lilin, kacu dan gegala.

⁴⁵ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 245.

⁴⁶ Atsushi Kobata dan Mitsugu Matsuda, (terj), 1969. *Ryukyuan Relation with Korea and South sea Countries*, Kyoto; Atsushi Kobata, hlm 101-29. Nama-nama barang yang dibawa pulang dari Melaka ke Ryukyu tidak diterjemahkan.

Menurut Tome Pires dan Ruy de Brito, hubungan dagangan dua hala ini dilihat daripada segi kepentingan dan keperluan bahan-bahan makanan yang diperlukan oleh Melaka dari Siam. Dianggarkan terdapat kira-kira 30 buah jong besar dari Siam yang datang ke pelabuhan Melaka setiap tahun.⁴⁷

Pelabuhan Melaka dikunjungi juga oleh para pedagang dari Burma yang datang dalam bulan Februari dan Mac iaitu apabila selesai angin timur laut dengan membawa barang seperti beras, makanan, wang-i-wangian, perak dan batu delima untuk diperdagangkan di Melaka.⁴⁸ Burma juga dapat membekalkan kapal-kapal untuk dijual di pelabuhan Melaka. Pegu amat terkenal di Timur dengan perusahaan membina kapal. Sering terjadi apabila bahan dagangan habis diniagakan, kapal pun akan dijual kepada saudagar-saudagar di Melaka. Tome Pires menganggarkan sepanjang bulan Februari dan Mac setiap tahun terdapat antara dua puluh hingga tiga puluh buah kapal kecil datang ke Melaka. Sama ada menerusi tukaran dagangan atau pun proses belian, bahan-bahan yang dibawa balik ke Pegu ialah berbagai-bagai jenis dagangan dari China, permata, tembaga pelbagai jenis rempah, emas dan bijih. Dalam perjalanan balik, mereka membeli lada di Pasai atau Pedir dengan banyaknya. Ramai saudagar dari Melaka sendiri yang dikatakan pergi ke Pegu

⁴⁷ Armando Cartesao, (ed), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London : Hakluyt Society, hlm. 273,274.Ruy de Brito, Alguns...hlm. 345.

⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 268-273


untuk berdagang. Perkara yang utama, hubungan dagangan antara Melaka dengan Pegu adalah hubungan terus, bukan perantaraan.⁴⁹

Setelah para pedagang dari China dan India pulang ke negeri masing-masing, pasar Melaka tetap sibuk dan dimeriahkan pula oleh pedagang yang datang dari Jawa dan Kepulauan Melayu. Melaka sendiri tidak mempunyai industri yang penting selain berdagang ikan kering, dan ikan-ikan ini dimport dari pesisiran Sumatera. Selain itu Melaka juga mengeksport emas dan bijih timah yang diterimanya sebagai ufti dari negeri-negeri lain dan wilayah pedalaman di Sumatera.

Oleh yang demikian, Melaka dapat disifatkan bukannya sebagai sebuah bandar perdagangan dalam ertikata yang sebenarnya, tetapi adalah sebuah pasar lambak yang besar, iaitu apabila sampai musimnya barang-barang dari China ditukarkan dengan barang-barang dari Asia Barat dan Eropah. Tome Pires yang tiba di Melaka sebagai setiausaha dan akauntan kepada syarikat Portugis di sana setahun selepas Melaka ditawan oleh Albuquerque dalam bukunya *Suma Oriental* memberi gambaran yang lengkap mengenai perniagaan dan pentadbiran Melaka di bawah sultan-sultannya. Gambaran yang begitu lengkap tidak terdapat daripada sumber-sumber lain. Menurutnya,

⁴⁹ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 248.

Peta 7.1 : Menunjukkan Melaka Sebagai Pusat Perdagangan Melayu Di Timur



Sumber: Dipetik daripada Muhammad Yusof Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam Melaka: Institut Kajian Patriotisme, hlm. 17.

keuntungan yang diperolehi oleh Melaka adalah tidak ternilai.⁵⁰ Sebagai pelabuhan yang memberi perkhidmatan pelabuhan dengan pusat pengumpulan barang-barang dagangan, maka Tun Perak sebagai ketua pentadbiran Melaka yang terkanan, bersama-sama dengan pembesar yang lain mengadakan prasarana yang sentiasa mendorong kelincinan perdagangan. Pengurusan pentadbiran yang cekap oleh Tun Perak dan Syahbandar serta keamanan yang dijaga dengan baik oleh Temenggung dan Laksamana tentulah menjadi

⁵⁰D.G.E. Hall., 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 261.

pemangkin kepada kewujudan Melaka sebagai pelabuhan antarabangsa yang terkemuka di dunia sebelah sini.

Justeru itu Melaka benar-benar muncul sebagai pusat perhubungan dagang dari Melaka ke Suez, Jepun ke Afrika Timur dan Luzon ke Teluk Parsi. Malah ia disifatkan sebagai pelabuhan besar di dunia yang bersifat kosmopolitan.⁵¹

Hasil Ekonomi lain

Tun Perak juga telah menggalakkan rakyat Melaka menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi yang lain seperti industri perkapalan dan juga pertanian. Menurut Muhammad Yusoff Hashim, industri perkapalan yang dijalankan oleh masyarakat Melaka adalah bersetujuan dengan masyarakat Melaka yang dikelilingi oleh kawasan selat, dan sememangnya mahir dalam selok-belok kegiatan di laut terutama dalam pembinaan alat pengangkutan di laut.⁵² Antara alat pengangkutan yang terdapat di Melaka ialah perahu, sampan, ghurab, penjajab, sagur, payar, baluk, lancang, kapal, jong dan bahtera.⁵³ Jong dan bahtera merupakan alat pengangkutan yang paling besar di Melaka manakala alat pengangkutan yang paling kecil ialah perahu sepanjang

⁵¹ George Cho dan W. Ward, 1983. "The Port of Melaka", dalam *Melaka, Transformation of a Malay Capitol C. 1400-1980*, Jil. 1, hlm. 623-624.

⁵² Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka Pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 266.

⁵³ *Ibid.*, hlm. 266.

lima depa.⁵⁴ Oleh yang demikian industri perkapalan di Melaka ini adalah amat penting kepada kegiatan perdagangan dan pengangkutan di Melaka.

Di sekitar negeri Melaka terdapat seribu lima ratus dusun dengan pelbagai jenis buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan.⁵⁵ Keadaan ini dapat dibuktikan dalam *Hukum Kanun Melaka* yang menyatakan hakmilik tanah, tatacara dan undang-undang berdusun serta undang-undang jual beli tanah dan hasil tanaman serta soal buruh dalam kegiatan pertanian.⁵⁶

Kesimpulannya berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas bahawa Tun Perak merupakan pendokong empayar Melaka sebagai pelabuhan antarabangsa. Hasil daripada kebijaksanaan dan penuh dengan sikap bertanggungjawab serta mempunyai visi tersendiri, kerajaan Melaka telah berjaya menjadi sebuah pusat perdagangan di dunia sebelah timur, seperti yang telah disebutkan oleh sejarawan D.G.E. Hall di bawah;

Melaka adalah merupakan sebuah pusat perdagangan yang terpenting di Asia Tenggara.⁵⁷

Dasar luar Tun Perak yang sentiasa menggalakkan perhubungan antarabangsa dengan negara-negara lain telah menjadikan pelabuhan Melaka dikunjungi oleh para pedagang dari seluruh pelusuk dunia. Galakkan perhubungan ini akan menarik para pedagang datang berdagang di Melaka.

⁵⁴ Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, A Critical Edition, The Hague: Martinus's Nijhoff, hlm. 120.

⁵⁵ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka Pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 295.

⁵⁶ Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, A Critical Edition, The Hague: Martinus's Nijhoff, hlm. 106-116 merangkumi Fasal 19:1, 19:2, 19:3, 20:1, 20:2, 22:1, 22:2, dan 22:3.

⁵⁷ D.G.E. Hall, 1996. *A History of South-East Asia*, Macmillan & Co. Ltd. London, hlm 196.

Justeru itu, beliau telah berjaya memainkan peranan secara langsung dan tidak langsung untuk melicinkan lagi urusan perdagangan di pelabuhan Melaka. Oleh yang demikian Tun Perak adalah merupakan pendokong empayar Melayu Melaka sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa sehingga pelabuhan Melaka menjadi sebuah emporium antarabangsa. Menjelang awal pemerintahan Sultan Mahmud Syah, penduduk Melaka dianggarkan seramai 190,000 orang. Pelbagai kaum, suku-kaum dan bangsa sama ada tempatan atau rantau luar mendatangi dan mendudukinya. Mereka ini terdiri daripada pedagang, pengunjung dan santeri, pengadu nasib dan pendakwah.